

DATE: 10/3/2008

# PM angkat sumpah hari ini

Tidak timbul soal letak jawatan kerana saya tak rasa tertekan: Abdullah


**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tidak timbul soal beliau meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri kerana beliau masih mendapat sokongan padu terutama daripada pemimpin Umno.

Malah, Presiden Umno yang juga Pengerusi BN itu akan mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri di Istana Negara hari ini - dua hari selepas gabungan 14 parti komponen itu memenangi Pilihan Raya Umum Ke-12, dengan majoriti mudah kelmarin.

Petang semalam, Abdullah menghadap Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin di Istana Terengganu, Kuala Lumpur, bagi memaklumkan mengenai kemenangan BN pada Pilihan Raya Umum Ke-12.

Perdana Menteri yang menaiki Proton Perdana hitam, dilihat memasuki pekarangan istana kira-kira 6.10 petang dan beredar kira-kira 7 malam.

Dalam pilihan raya umum kelmarin, BN memenangi 140 daripada 222 kerusi Parlimen bagi membolehkannya membentuk kerajaan dengan



**TAK TERTEKAN:** Abdullah melambai kepada penyokong Barisan Nasional ketika keluar dari Rumah Kediaman Rasmi Perdana Menteri di Seri Perdana, Putrajaya, semalam.

majoriti mudah.

Terdahulu, pada sidang media di kediaman rasmi Perdana Menteri di Seri Perdana di sini, Abdullah berkata: "Saya tidak akan meletakkan sebarang jawatan kerana tidak berasa tertekan."

Mengulas desas-desus kononnya beliau ditekan untuk meletakkan jawatan, Abdullah berkata pemimpin Umno menyatakan sokongan terhadap beliau selaku Perdana Menteri.

Abdullah juga merakamkan terima kasih kepada rakyat yang menyokong BN sehingga membolehkan BN menubuhkan kerajaan dan kepada pasukan keselamatan kerana memastikan proses pilihan raya berjalan lancar.

Katanya, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada hakikatnya menjalankan tanggungjawab dengan telus dan

LIHAT MUKA 2

Keputusan penuh Pilihan  
Raya Umum Ke-12 bersama  
Berita Harian hari ini